

2019

VOL 1



e-MY AGROSIS

UiTM
Kampus Johor



Oleh: Shahira Bte Hj Abdul Jabar

Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor © 2020

Hakcipta Terpelihara.

Tiada mana-mana bahagian dari majalah ini yang boleh diubah, disalin, diedar, dihantar semula, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan, dilesenkan, dipindah, dijual dalam apa bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis yang jelas kepada Kelab MyAgrosis, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor.

e- ISSN: 2716-5299

Terbitan:

Kelab MyAgrosis,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor
Jalan Universiti, Off KM 12 Jalan Muar
85000 Segamat JOHOR

Majalah ini diterbitkan secara berkala setiap tahun.

Dicetak di Malaysia

eISSN 2716-5299



SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Mohd Khairul Ariff Bin Noh

PENASIHAT

Encik Ashaari Bin Sukar
Shahira Binti Hj Abdul Jabar

KETUA EDITOR

Shahira Binti Hj Abdul Jabar

EDITOR

Zulaikha Binti Mohd Touriou@Idrus
Aziah Nur Azyan Binti Azhar
Nur Nabihah Binti Amizad
Farah Izzati Binti Sharudin
Nurul Hidayah Binti Bahrin

KANDUNGAN

BICARA KATA	iv
UCAPAN PENASIHAT	v
LATAR BELAKANG MYAGROSIS	1
AKTIVITI SEKITAR KAMPUS UiTM CAWANGAN JOHOR	
Unifest	2
Karnival Usahawan Muda & My Best Buy	3
Pasar Malam & Mentor Mentee	5
Annual General Meeting & Pencarian Exco	6
Kelab MyAgrosis Melakar Sejarah	7
KARYA KREATIF	
Buah Tin Raih Pendapatan Lumayan	8
Pantun Usahawan	11

BICARA KATA

Segala pujian kepada Allah yang Maha Esa. Saya bersyukur kerana diberikan ruang untuk melakar coretan dalam majalah e-MyAgrosis. Sekalung tahniah dan penghargaan kepada Sidang Redaksi Majalah e-MyAgrosis di bawah naungan Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Johor di atas kejayaan menerbitkan majalah yang memberi liputan dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Ia selaras dengan Dasar Pembangunan Keusahawanan yang dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi untuk melahirkan lebih ramai usahawan di kalangan graduan. UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat telah lama berperanan dalam memberikan pendedahan kepada anak bangsa dalam bidang keusahawanan melalui kursus Asas Keusahawanan dan kursus Prinsip-Prinsip Keusahawanan bagi peringkat Diploma dan Ijazah.

Semoga dengan penerbitan majalah ini dapat menggalakkan semangat semua pihak untuk menyumbang hasil penulisan dan penerbitan dalam bidang keusahawanan, menyemarakkan lagi penglibatan aktiviti keusahawanan yang berlaku di dalam kampus dan menjadi pendorong kepada warga UiTM Johor untuk menyertai pertandingan keusahawanan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Dengan tulus ikhlas saya mendoakan semoga segala usaha yang dilakukan ini diberkati Allah swt. Diharapkan juga kita diberikan kekuatan untuk melaksanakan tugas serta tanggungjawab dalam meneruskan tradisi dan pengiktirafan yang telah diberikan kepada UiTM sebagai Universiti Keusahawanan dengan penuh ikhlas, iltizam dan komitmen. Amin.

Sekian, terima kasih

Mohd Khairul Ariff Bin Noh
Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar
Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor



UCAPAN PENASIHAT

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya saya diberikan kesempatan untuk merakamkan sepatah dua kata dalam penerbitan e-MyAgrosis. Selawat dan salam juga buat junjungan kita Nabi Muhammad SAW, utusan rahmat sekalian alam. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada Sidang Redaksi atas usaha gigih dan khidmat yang tidak mengenal erti jemu bagi menyiapkan sekaligus merealisasikan penerbitan e-MyAgrosis UiTM cawangan Johor. Majalah ini merupakan majalah pertama yang diterbitkan setelah tujuh tahun penubuhan kelab MyAgrosis. Sebagai sebuah kelab berasaskan keusahawanan yang melatih nilai-nilai keusahawanan di kalangan siswazah, kelab MyAgrosis telah mengambil inisiatif menerbitkan e-MyAgrosis yang mana ia merupakan satu platform terbaik untuk mengumpulkan maklumat yang lengkap mengenai aktiviti keusahawanan dan kejayaan yang dicapai sepanjang tahun. Semoga dengan pelancaran majalah yang pertama ini dapat memberi idea dan memepertingkatkan lagi aktiviti keusahawanan di kalangan mahasiswa/wi UiTM Cawangan Johor sekaligus memperkenalkan kelab ini di mata masyarakat luar. Selain itu, dapat mencungkil bakat-bakat penulisan dalam kalangan warga UiTM. Didoakan kelab ini agar terus maju jaya.

Sekian, wassalam.

Shahira Binti Hj Abdul Jabar
Penasihat
MyAgrosis

LATAR BELAKANG MYAGROSIS



MyAgrosis ditubuhkan pada 18 Januari 2012 dengan kerjasama pihak HEP UiTM cawangan Johor dan FAMA. Objektif utama adalah sebagai pusat untuk melatih nilai-nilai keusahawanan di kalangan siswazah. Sejak penubuhan Kelab MYAGROSIS UiTM Cawangan Johor pelajar-pelajar telah didedahkan dengan aktiviti keusahawanan. Mereka berpeluang untuk menguruskan jualan itu sendiri yang mana operasinya seperti pasar mini. Dalam pada itu, pelajar tersebut berpeluang didedahkan dengan tatacara pengurusan stok, kewangan dan sebagainya.

Mereka diberi latihan secara *hands on* seperti bagaimana prosedur untuk berurus dengan pelanggan, pembekal yang mirip dengan dunia perniagaan sebenar. Selain daripada itu, Kelab MYAGROSIS juga telah memberi ruang dan peluang untuk pelajar terlibat dalam kursus berkaitan keusahawanan serta lawatan keusahawanan ke industri IKS di sekitar Negeri Johor.

AKTIVITI SEKITAR KAMPUS UiTM JOHOR

UNIFEST

Shahira Abdul Jabar, Zulaikha Binti Mohd Touriou@Idrus



Program ini dijalankan dengan gabungan antara kelab MyAgrosis dan kelab berasaskan usahawan yang lain. Antara aktivitinya adalah penjualan makanan, permainan keusahawanan seperti kuiz keusahawanan, permainan berasaskan bahan-bahan kitar semula dan sebagainya. Apa yang menarik, pelbagai makanan yang telah diinovasi dijual dan aktiviti mempromosi hasil jualan menggunakan bahan terpakai. Program ini dijalankan dua hari berturut dan sambutan amatlah memberangsangkan.



KARNIVAL USAHAWAN MUDA & MY BEST BUY

Ashaari Bin Sukar, Shahira Abdul Jabar

Satu karnival usahawan secara besar-besaran telah dijalankan selama 3 hari bermula dari 8-10 Oktober 2019 bertemakan "**“we’re rocking entrepreneur”**". Ia merupakan hasil kerjasama antara kelab MyAgrosis, MASMED, HEP, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan beberapa kelab berdasarkan usahawan. Dijalankan di tapak PTDI baru bagi memudahkan kedatangan pelajar ke program ini. Objektif utama mengadakan program ini adalah untuk memartabatkan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar.



KARNIVAL USAHAWAN MUDA & MY BEST BUY

Ashaari Bin Sukar, Shahira Abdul Jabar

Beberapa jalinan kerjasama telah dibentuk melalui penganjuran program ini di mana beberapa agensi kerajaan yang berkaitan dengan keusahawanan seperti FAMA dan Perbadanan Nasional Berhad (PNS) telah dijemput untuk membuka gerai dan menganjurkan program bagi membekalkan informasi yang berguna untuk mahasiswa/wi UiTMCJ. Pelbagai aktiviti menarik dijalankan sepanjang program berlangsung selain aneka jualan antaranya Kuiz Keusahawanan, Bengkel Keusahawanan Francais, Pidato, Keusahawanan, Explorace : Siapa Pintar Berniaga, UiTM Idol, Pertandingan Reka Cipta Bahan Kitar Semula. Karnival ini turut mendapat penajaan dari PNS, FAMA, MJDesign Lab dan individu perseorangan.



PASAR MALAM DAN MENTOR MENTEE

Ashaari Bin Sukar, Shahira Abdul Jabar

Tahun 2019 merupakan tahun pertama Pasar Malam Perdana diwujudkan. Ia dijalankan pada setiap hari rabu pada setiap minggu. Sambutannya amatlah menggalakkan. Bagi memenuhi objektif penubuhan kelab iaitu ilmu menerapkan ilmu keusahawan kepada siswazah, pelajar perlu melibatkan diri dalam penjualan. Samada pelajar menjual secara langsung barang mereka atau menjadi anak didik (mentee) dan dipantau oleh pengusaha (mentor). Cara ini dilihat berkesan yang mana pelajar belajar secara terus bagaimana menguruskan penjualan. Antara perkara yang dipelajari daripada program ini adalah seperti ilmu pengurusan kewangan, pengurusan pelanggan, pengurusan bahan mentah, pengurusan majikan dan sebagainya. Apabila ditanya berkenaan program ini, rata-rata menyatakan ianya bagus dan boleh diperbesarkan lagi pada masa akan datang.



ANNUAL GENERAL MEETING & PENCARIAN EXCO

Shahira Abdul Jabar

Perjumpaan tahunan atau Annual General Meeting diadakan setahun sekali bertujuan untuk pemilihan majlis tertinggi sekaligus untuk memperkenalkan kelab ini kepada semua. Bagi menggalakkan para pelajar datang ke majlis ini, beberapa acara dijalankan seperti cabutan bertuah, penyediaan kupon aktiviti dan sebagainya.

Di samping itu pencarian exco juga diadakan setiap awal semester bagi menggantikan pelajar yang telah bergraduasi.



KELAB MYAGROSIS MELAKAR SEJARAH

Shahira Abdul Jabar

Tahun 2019 merupakan tahun yang bersejarah buat MyAgrosis. Kelab ini telah dinobatkan sebagai kelab usahawan terbaik di UiTM Cawangan Johor. Ini adalah hasil usaha ahli jawatankuasa MyAgrosis yang telah banyak memerah keringat dan masa dalam menjayakan aktiviti sepanjang tahun 2019. Semoga kejayaan ini dapat dikekalkan dan menjadi pemangkin kecemerlangan kepada tumpuk pimpinan jawatankuasa yang terbaru.



KARYA KREATIF

BUAH TIN RAIH PENDAPATAN LUMAYAN

Shahira Abdul Jabar

Pokok tin nama saintifiknya ialah Ficus Carica. Berasal dari Asia Barat dan dikatakan mempunyai ratusan baka. Ia merupakan makanan yang mengandungi hampir semua gizi diperlukan tubuh manusia. Ia juga merupakan tanaman dan buah yang disebut didalam Al-Quran.

Allah SWT bersumpah sesuatu yang agung dengan memakai nama buah Tin. Surah At-Tin (95:1) berbunyi "Demi (buah) Tin dan (buah) Zaitun".

Tanaman ini mudah untuk dijaga. Ia boleh ditanam dalam pasu jika dijaga dengan baik dan mampu mengeluarkan hasil tanpa musim seawal tiga bulan pertumbuhannya.

Mohamad Hafidz Arifin, 32 biarpun ketika itu pendapatan sudah lebih RM15,000 sebulan, namun ia tidak menghalang beliau untuk meletakkan jawatan sebagai pegawai di syarikat minyak dan gas di Iraq. Menyedari potensi pokok buah tin, beliau mengambil keputusan untuk mengusahakan tanaman ini di Janda Baik, bentong Pahang.

Beliau berkata, "Menariknya pokok ini tidak memerlukan kawasan yang luas dan masa yang lama untuk memperoleh hasil yang lumayan kerana ia sudah mula membawa hasil pada bulan keempat hingga keenam penanamannya.



Mengulas mengenai pasarannya, Mohamad Hafidz berkata setakat ini beliau memang tidak menang tangan untuk memenuhi permintaan baik daripada pengusaha hotel mahupun pengusaha produk jus kesihatan.

Rasanya yang lemak manis, dan berair menyebabkan, buah ini amat diminati selain disebabkan khasiatnya yang mengandungi zat anti oksidan, vitamin A, vitamin B1, vitamin B2, kalsium, zat besi, fosforus, mangan, sodium, potassium dan klorin serta fiber serta boleh membantu mengatasi masalah usus dan kolestrol.

Di Tawau, seorang pegawai Telekom Malaysia Musliansah Masrie berjaya meraih keuntungan dengan menanam pokok tin. Pada awalnya ia merupakan hobi sahaja namun ia bertukar menjadi sumber pendapatan keluarga.

Sehingga kini beliau mengumpul sebanyak 67 jenis anak pokok tin daripada pelbagai negara termasuk Sepanyol, Greece, Turki, Portugal, Jepun dan China. Anak pokok ini boleh dijual dengan harga mencecah RM100 sehingga RM2,000.

Zulkafli Yasman, 57, merupakan bekas pengurus kanan sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) kini beralih arah mengusahakan tanaman pokok tin sepenuh masa. Beliau yang juga antara pengusaha tanaman tin secara komersial terawal di Johor, menjadi rujukan penanam kecil di negeri berdekatan.

Timbul minat untuk menanam pokok ini selepas beliau melawat Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) di Serdang, Selangor, beberapa tahun lalu. Zulkafli mengusahakan tanaman tin secara fertigasi yang diletakkan di dalam rumah hijau bagi menghalang serangan serangga dan haiwan perosak, termasuk monyet.

Beliau berkata anak benih pokok tin bernilai tinggi kerana boleh dijual bermula dari harga harga RM100 hingga RM250. Ada juga pokok tin yang mencecah RM10,000 hingga RM50,000 berdasarkan jenis dan kualitinya.

Buah tin yang segar pula mampu mencecah RM80 hingga RM160 sekilogram. Setakat ini, permintaan terhadap anak benih pokok tin agak tinggi, terutama dalam kalangan pengusaha kecil dan purata beliau menjual antara 30 hingga 80 anak benih sebulan.

Melihat kepada permintaan dan harga pokok tin ini, ia merupakan peluang kepada rakyat Malaysia untuk menjana pendapatan sekaligus menaikkan taraf hidup mereka terutama anak-anak muda masa kini.



PANTUN USAHAWAN

Aziah Nur Azyan Binti Azhar, Shahira Abdul Jabar

Gunung Ledang sama didaki
Sungai Pahang sama direnang
Jikalau usahawan islam Bersatu hati
Ekonomi Islam tidak kalah ditentang

Pok amai-amai,
belalang kupu-kupu,
mari ramai-ramai,
bentuk usahawan maju.

Menanam bunga di dalam pasu
bunga melati bunga pandan
Berniaga jangan ikut hawa nafsu
kelak nanti binasa badan

Buai laju-laju,
Sampai pokok nangka,
Perniagaan sudah maju,
Zakat sedekah jangan lupa

Mari berkelah di Tanjung Rhu,
sambil memanggang si ikan sepat,
jatuh bangun pengalaman nombor satu,
Niatkan ia sebagai jihad